



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG
Jalan Batu Kawan,
14100 Simpang Ampat,
Seberang Perai Selatan,
PULAU PINANG



604-5047222
<http://www.bomba.gov.my>
operasi_png@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : **JBPM/PP/OPS : 600-2/5/1 Jld. 4 (22)**
Tarikh : **29 NOVEMBER 2024**

SENARAI EDARAN

Tuan,

ARAHAN PEMATUHAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 9 TAHUN 2019 – PENGURUSAN OPERASI BANJIR

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan bernombor rujukan JBPM/IP/OPS: 600-3/8 Jld. 11 (56) bertarikh 2 Disember 2019 adalah berkaitan.

2. Bersama surat ini diedarkan **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 9 Tahun 2019 – Pengurusan Operasi Banjir** untuk makluman dan tindakan tuan.
3. Sehubungan itu, pihak tuan diarahkan untuk mematuhi kehendak perintah ini.
4. Kerjasama dari semua pihak amat dihargai dan diminta mengambil tindakan sewajarnya.

'CEPAT DAN MESRA'




CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & CERTIFIED TO ISO 37001:2016

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PgKB II NAFIS ARIFF BIN ABDULLAH)

b.p. Penolong Pengarah,
Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Pulau Pinang

S.K : 1. Fail
NAA/OPS/PP/JBPM/2024

SENARAI EDARAN

Penolong Pengarah,

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bahagian Penyiasatan Kebakaran

Bahagian Latihan

Bahagian Pengurusan

Bahagian Kejuruteraan

Ketua Zon, Jalan Perak

Ketua Balai, BBP Jalan Perak

Ketua Balai, BBP Bagan Jermal

Ketua Balai, BBP Lebuhr Pantai

Ketua Balai, BBP Paya Terubong

Ketua Zon, Bayan Lepas

Ketua Balai, BBP Bayan Baru

Ketua Balai, BBP Teluk Bahang

Ketua Balai, BBP Balik Pulau

Ketua Balai, BBP Seri Balik Pulau

Ketua Zon, Perai

Ketua Balai, BBP Perai

Ketua Balai, BBP Bukit Mertajam

Ketua Balai, BBP Bandar Perda

Ketua Balai, BBP Sungai Bakap

Ketua Balai, BBP Nibong Tebal

Ketua Balai, BBP Penanti

Ketua Balai, BBP Batu Kawan

Ketua Zon, Butterworth

Ketua Balai, BBP Butterworth

Ketua Balai, BBP Kepala Batas

Ketua Balai, BBP Tasek Gelugor

Ketua Balai, BBP Kuala Muda

Ketua Balai, BBP Bertam

Ketua Cawangan,

Cawangan Pusat Gerakan Operasi



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Aras 6, Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 603-8892 7600
Faks : 603-8888 9127
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel : operasi@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS :600-3/8 Jld.11 (SL)

Tarikh 2 Disember 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato' / Tuan,

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 9 TAHUN 2019 – PENGURUSAN OPERASI BANJIR

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengeluarkan satu Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 9 Tahun 2019 berkaitan Pengurusan Operasi Banjir untuk kegunaan dalam pengoperasian.

3. Sehubungan dengan itu, dilampirkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 9 Tahun 2019 – Pengurusan Operasi Banjir untuk perhatian dan tindakan pihak YS Dato'/ Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ABDUL WAHAB BIN HAJI MAT YASIN)

Pengarah,
Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- s.k
- i) YAS Ketua Pengarah
 - ii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 - iii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

'CEPAT DAN MESRA'



SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. YS Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kebakaran
3. YS Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
4. YS Pengarah, Bahagian Pembangunan
5. YS Pengarah, Bahagian Latihan
6. YS Pengarah, Bahagian Udara
7. YS Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat
8. Pengarah, Bahagian Pengurusan
9. Pengarah, Bahagian Kejuruteraan Jentera
10. YS Pengarah JBPM Negeri Selangor
11. YS Pengarah JBPM Negeri Pahang
12. YS Pengarah JBPM Negeri Johor
13. YS Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang
14. YS Pengarah JBPM W.P Kuala Lumpur
15. YS Pengarah JBPM Negeri Perak
16. YS Pengarah JBPM Negeri Kedah
17. YS Pengarah JBPM Negeri Sabah
18. YS Pengarah JBPM Negeri Sarawak
19. YS Pengarah JBPM Negeri Melaka
20. YS Pengarah JBPM Negeri Negeri Sembilan
21. YS Pengarah JBPM Negeri Kelantan
22. YS Pengarah JBPM Negeri Terengganu
23. YS Pengarah JBPM Negeri Perlis
24. YS Pengarah JBPM W.P Labuan
25. YS Pengarah JBPM W.P Putrajaya
26. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Tengah
27. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Timur
28. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Utara

'CEPAT DAN MESRA'



29. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sabah
30. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sarawak
31. Pegawai Memerintah, Pengkalan Udara JBPM Subang
32. Pegawai Memerintah, Pengkalan Udara JBPM Bertam
33. Ketua Unit Integriti
34. Ketua Unit Pengesan

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: QMS 92191



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: QMS 92191

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 9 TAHUN 2019

PENGURUSAN OPERASI BANJIR

Diedarkan Kepada;

**Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Pengaroh-Pengaroh Bahagian
Pengaroh-Pengaroh Negeri
Komandan-Komandan ABPM
Ketua-Ketua Zon
Ketua-Ketua Balai**

1.0 PENGENALAN

Bencana banjir merupakan fenomena yang terjadi samada secara mengejut atau tiba-tiba mahupun secara berperingkat atau mengambil masa. Oleh itu, tahap kesiapsiagaan jabatan dari masa ke semasa adalah penting bagi memastikan tahap risiko dan impak bencana banjir dapat dikurangkan. Fenomena banjir ini dikatakan sebagai suatu bencana kerana ia mengakibatkan risiko yang tinggi seperti kematian, kemusnahan harta benda dan infrastruktur serta memberi kesan negatif kepada psikologi masyarakat terutamanya mangsa banjir.

2.0 PUNCA KUASA

Dalam melaksanakan tugas harian anggota dan pegawai JBPM diberi kuasa di bawah:

2.1 Perlembagaan Persekutuan Jadual Ke 9, Senarai Persekutuan

26. Subject to item 9a of the concurrent list, prevention and extinguishment of fire, including fire services and fire brigade

2.2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988

Sek 5 (1) dan (2) - Tugas JBPM

Sek 18 - Kuasa semasa kebakaran

Sek 19 - Tidak melibatkan kebakaran

3.0 HAD PEMAKAIAN

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini digunapakai merangkumi tindakan peringkat awal dan sebagai model pengurusan operasi penyelamatan dan khidmat kemanusiaan serta untuk kegunaan dalaman JBPM sahaja.

4.0 TAFSIRAN

PFD	- Personal Floating Device
FLOATING DEVICE	- Pelampung
KOK	- Komander Operasi Kanan
KKO	- Ketua Keluaran Operasi

5.0 MATLAMAT

Bagi menyelaraskan tindakan-tindakan operasi dapat dilaksanakan dengan terancang, cekap dan berkesan yang mampu menyelamatkan nyawa dan harta benda.

3.0 SKOP PROSEDUR

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini digunapakai sebagai model pengurusan operasi semasa banjir, mana-mana insiden yang disebabkan oleh banjir serta bagi kegunaan dalaman JBPM.

4.0 ARAHAN MKN No.20 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara)

Arahan MKN No.20 hendaklah dirujuk dalam mengendalikan bencana banjir.

5.0 PERANAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

- 5.1 Mencari dan menyelamatkan mangsa-mangsa yang terperangkap dalam bencana banjir;
- 5.2 Mengumpul maklumat dan mengkaji kemerbahayaan untuk menasihati pihak polis supaya tindakan pengungsian (*evacuation*) kawasan dilakukan;
- 5.3 Bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah untuk memberi bantuan kecemasan yang memerlukan bantuan dan pemindahan;
- 5.4 Membantu pihak polis mencari mangsa-mangsa yang dilaporkan hilang atau terkorban;
- 5.5 Memberi khidmat kemasyarakatan seperti memotong pokok tumbang yang menghalang jalanraya atau laluan yang diperlukan;

- 5.6 Memastikan keselamatan petugas yang terlibat dalam kerja-kerja menyelamatkan adalah selamat;
- 5.7 Membantu dalam kerja-kerja pemulihan (pasca banjir); dan
- 5.8 Sentiasa bersedia di kawasan insiden untuk memastikan keadaan selamat dan terkawal.

6.0 LANGKAH LANGKAH PERSEDIAAN

6.1 SEBELUM

- 6.1.1 Menyediakan dokumen analisa penilaian risiko banjir dalam kawasan jagaan dengan mengenalpasti kawasan-kawasan yang mungkin berlakunya banjir kilat, tanah runtuh dan lain-lain *hazard* seterusnya membuat lawatan dan tinjauan ke kawasan berkenaan;
- 6.1.2 Mengemaskini peta kawasan jagaan dengan mendapatkan maklumat terkini daripada Bilik Gerakan Pejabat Daerah, Jabatan Parit dan Saliran atau Pihak Berkuasa Tempatan supaya kawasan-kawasan yang selalu mengalami banjir dan tanah runtuh dapat diketahui;
- 6.1.3 Menjalinkan kerjasama pintar dan *engagement* dengan agensi-agensi kerajaan setempat dan juga pihak swasta yang mempunyai kemudahan bot supaya tugas-tugas menyelamatkan dapat dibuat secara bersama;
- 6.1.4 Sentiasa mengadakan perbincangan dan mesyuarat dengan agensi kerajaan di peringkat daerah dan negeri supaya kerja-kerja menyelamatkan dapat diselaraskan dan dilaksanakan dengan lancar;
- 6.1.5 Memastikan peralatan menyelamatkan seperti tali, bot, *personal floating device (PFD)* dan lain-lain peralatan yang berkaitan dalam keadaan baik dan boleh digunakan;
- 6.1.6 Mengadakan latihan berkaitan dengan penggunaan peralatan menyelamatkan, pengendalian bot serta tugs-

tugas menyelamatkan diadakan di peringkat balai, zon dan negeri; dan

- 6.1.7 Menyelaras cuti rehat anggota dan mengehendkan cuti sebanyak 20 peratus. Semasa musim tengkujuh (banjir) bermula, semua cuti anggota hendaklah dibekukan melainkan atas urusan kecemasan yang kritikal seperti kematian/ sakit anggota keluarga terdekat. Mana-mana anggota yang telah diluluskan cuti sebelumnya akan dikerahkan untuk kembali bertugas serta merta.

6.2 SEMASA

6.2.1 Perintah dan Kawalan

- (a) Mengadakan Pos Kawalan Hadapan (PKH) dan Pusat Kawalan Bomba (PKB) bagi memastikan gerakan mencari dan menyelamatkan mangsa banjir dapat dijalankan dengan cepat dan teratur;
- (b) Pegawai Kanan yang mula-mula sampai di tempat kejadian akan bertindak sebagai Insiden Komander Operasi;
- (c) Pegawai akan membuat penilaian tahap bencana dan akan memaklumkan kepada Pegawai Daerah atau Ketua Polis Daerah untuk bertindak mengikut Arahan MKN No.20; dan
- (d) Segala bantuan dari agensi-agensi sokongan akan dipohon oleh Komander Operasi serta memaklumkan bencana tersebut kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Peringkat Daerah (JPBBD).

6.2.2 Penyampaian Maklumat

- (a) Apabila menerima panggilan bencana banjir, Komander Operasi hendaklah memberi keutamaan terhadap keselamatan anggota-

anggota yang bertugas di dalam kerja-kerja menyelamatkan nyawa dan harta benda;

- (b) Komander Operasi hendaklah menghubungi serta memaklumkan kepada pegawai kanan berhubung dengan kejadian tersebut dengan kadar segera;
- (c) Menggerakkan anggota dari balai bagi melaksanakan kerja-kerja menyelamatkan awal;
- (d) Komander Operasi Kanan (KOK) yang bertugas pada hari berkenaan hendaklah menghubungi PGO untuk menggerakkan bantuan daripada balai-balai berhampiran bagi mendapatkan anggota atau peralatan yang diperlukan;
- (e) KOK akan memaklumkan kepada Ketua Polis Daerah, Pegawai Daerah dan NADMA dengan kadar segera;
- (f) Membuat laporan bertulis untuk dihantar ke PPO melalui PGO negeri masing-masing (SOP PPO N0.1.1 dan 1.2); dan
- (g) Melapor pergerakan operasi ke PGO atau Bilik Kawalan Balai supaya dapat dicatatkan dalam Buku Harian.

6.2.3 Pengeluaran Jentera/ Bot

- (a) Apabila menerima panggilan berkaitan banjir, balai bomba yang terlibat hendaklah bertindak dengan segera dengan menghantar keluaran operasi ke tempat kejadian bersama peralatan dan kelengkapan kebombaan yang perlu;
- (b) Ketua Keluaran Operasi hendaklah membuat penilaian awal berhubung kejadian serta keperluan bantuan, dan seterusnya memaklumkan perkara tersebut kepada Ketua Balai;
- (c) Bantuan tambahan keanggotaan dan bot menyelamatkan adalah berdasarkan kepada hasil penilaian awal Ketua keluaran Operasi. Sekiranya

perlu permohonan bantuan hendaklah dibuat kepada PGO;

- (d) Permohonan bantuan dari kalangan Pasukan Bomba Sukarela juga boleh dilakukan sekiranya keanggotaan yang ramai diperlukan; dan
- (e) Semua pergerakan jentera/ bot hendaklah dilaporkan bagi urusan catatan dalam Buku Harian.

6.2.4 Tindakan Di Tempat Kejadian

- (a) Ketua Pasukan Keluaran Operasi yang mula sampai di lokasi hendaklah memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan selamat;
- (b) Menstruktur pengurusan insiden berdasar kepada Sistem Pengurusan Insiden (*Incident Command System*);
- (c) Mewujudkan Pos Kawalan Hadapan (PKH) berhampiran dengan tempat kejadian dan memastikan PKH adalah di tempat tinggi dan selamat;
- (d) Mengadakan Pusat Kawalan Bomba (PKB) sekiranya melibatkan banyak kawasan yang terjejas. Komander Operasi mesti mewujudkan beberapa PKH bagi melancarkan operasi penyelamatan dan pemindahan;
- (e) Mewujudkan *com-plan* (*talk group*) bagi memudahkan komunikasi dengan Ketua Pasukan Keluaran Operasi atau PKH;
- (f) Memastikan peralatan menyelamatkan adalah mencukupi bagi kerja-kerja menyelamatkan mangsa;
- (g) Menyelamat dan memindahkan mangsa ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) atau ke lokasi yang telah ditetapkan;

- (h) Memberi keutamaan kepada kanak-kanak, wanita hamil, orang sakit, OKU dan golongan tua;
- (i) Menyediakan pencahayaan yang mencukupi jika pemindahan mangsa dibuat pada waktu malam;
- (j) Mengadakan *staging area* di PKB bagi tujuan *rehab centre* dan logistik sekiranya operasi dalam tempoh yang panjang; dan
- (k) Mengadakan *refreshment* untuk anggota dan pegawai yang bertugas.

6.2.5 Peraturan Di Tempat Kejadian

- (a) Semua anggota dan pegawai yang terlibat dalam operasi banjir hendaklah menjalankan tugas atas arahan Komander Operasi;
- (b) Ketua Keluaran Operasi hendaklah melaporkan kehadiran anggota yang masuk dan keluar bertugas kepada Komander Operasi;
- (c) Komander Operasi mempunyai kuasa untuk menangguh atau menamatkan operasi menyelamatkan; dan
- (d) Anggota dan pegawai yang terlibat dalam operasi banjir adalah tertakluk kepada semua Arahan, Peraturan dan Perintah Tetap JBPM yang sedang berkuatkuasa.

6.2.6 Laporan Harian Kejadian

- (a) Pengarah Bomba Negeri adalah bertanggungjawab untuk menyedia dan mengemukakan laporan harian ke PPO melalui PGO masing-masing;
- (b) Laporan kejadian hendaklah dilaporkan ke PPO setiap hari berdasar kepada SOP PPO N0.1.1 dan 1.2 yang sedang berkuatkuasa;

- (c) Dalam keadaan kritikal, Pengarah Bomba Negeri hendaklah menyalurkan maklumat kejadian ke PPO dengan kadar segera tanpa mengambil kira tempoh masa di atas; dan
- (d) Format laporan harian adalah seperti dalam SOP PPO N0.1.1.

6.3 SELEPAS

- 6.3.1 Mewujudkan Pusat Sehentil Pasca Insiden (PSPI) bagi membantu mangsa banjir;
- 6.3.2 Membuat penilaian kerosakan jentera, bot dan kelengkapan menyelamatkan;
- 6.3.3 Mengadakan *after action review* (AAR) untuk mengenalpasti kelemahan bagi tujuan penambahbaikan dalam lain-lain operasi; dan
- 6.3.4 Menghantar maklumat yang lengkap ke PPO untuk penyediaan Laporan Eksekutif.

7.0 PERMOHONAN PERKHIDMATAN PESAWAT UDARA


Semua permohonan perkhidmatan pesawat udara JBPM bagi operasi banjir hendaklah dikemukakan ke PPO bagi tujuan penyelarasan dengan Bahagian Udara JBPM.

8.0 TARIKH KUATKUASA

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya ditangani sehinggalah arahan baru dikeluarkan. Berkuatkuasanya PTKP ini maka PTO Bil.3/99 dengan sendirinya adalah terbatal.

9.0 PENUTUP

Dengan adanya PTKP Bil. 9/2019 ini, diharapkan segala gerak kerja menyelamatkan mangsa banjir akan dapat dilaksanakan dengan teratur, cepat, cekap dan berkesan.



.....
(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ WAHID)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 29.11.2019